

Penekanan Visi dan Misi Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran

Emphasizing on the Vision and Mission of the Excellent Lecturers in Islamic Education throughout the Teaching and Learning Process

Ahmad Firdaus Mohd Noor^{a*}, Kamarul Azmi Jasmi^b, Muhd Imran Abd Razak^a, Khairunnisa A Shukor^b, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin^a, Paiz Hassan^a.

^a*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia*

^b*Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia*

*Corresponding author: firdausnoor@uitm.edu.my

Article history

Received: 2019-11-16 Received in revised form: 2020-02-05 Accepted: 2020-02-05 Published online: 2020-06-30

Abstract

This article discusses the importance of vision and mission of the Islamic Education Lecturers (IELs) in teaching and learning (TnL). This study was fully conducted through qualitative method via case study. Six IELs were selected as participants and willing to be interviewed, and the data from the interview were supported by three Heads of Islamic Education Unit, 12 lecturers and 12 students. The data were triangulated with the data obtained through observation and document analysis. The data were analysed through NVivo software to generate a pattern of themes and characteristics of the vision and mission in TnL. The result found that there were six elements of vision and mission emphasized by the IELs in TnL. Five of them had formed a pattern. That five elements were; students receiving and appreciating, TnL objective achieved, spreading *da'wah*, moulding students attitude and thinking, and achieving success in the world and the hereafter. Therefore, a model which is named as Model of the Vision and Mission Practice for the Excellent Islamic Education Lecturers was developed. From the overall view, the emphasis on achieving mission and vision helps the IELs to successfully conduct TnL inside and outside classroom.

Keywords: Vision and mission, Excellent Lecturers of Islamic Education, Teaching and Learning

Abstrak

Artikel ini membincangkan penekanan visi dan misi Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pendekatan kajian ini menggunakan sepenuhnya kajian kualitatif dengan menggunakan kajian kes. Seramai enam orang PCPI dipilih sebagai peserta kajian temu bual ini dan disokong oleh tiga orang Ketua Unit Pendidikan Islam, 12 orang rakan pensyarah, dan 12 orang pelajar. Seterusnya data temu bual ini ditriangulasikan dengan dapatan data yang dikumpul dari pemerhatian dan analisis dokumen. Analisis kajian ini menggunakan perisian NVivo 7.0 bagi menghasilkan tema dan ciri pengamalan visi dan misi PCPI dalam PdP sehinggalah membentuk pola. Hasil kajian menunjukkan terdapat enam elemen penekanan visi dan misi yang dimiliki oleh PCPI dalam pelaksanaan PdP. Lima dari elemen tersebut mencapai tahap pola. Elemen penekanan visi misi yang mencapai tahap pola adalah pelajar menerima & menghayati, objektif PdP tercapai, menyampaikan dakwah, membentuk diri pelajar dan pemikiran serta kejayaan dunia akhirat. Bagi elemen yang tidak mencapai tahap pola adalah kelancaran PdP. Maka, satu model yang dinamakan Model Pengamalan Visi dan Misi Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (MPVMPCPI) terbentuk hasil implikasi daripada kajian ini. Secara keseluruhannya, penekanan visi dan misi amat membantu kecemerlangan PCPI dalam pelaksanaan PdP di dalam dan luar kelas dengan jayanya.

Keywords: Visi dan Misi, Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam, Pengajaran dan pembelajaran.

1.0 PENGENALAN

Aspirasi dan transformasi negara mengharapakan kepada pencapaian rakyat dan masyarakat yang berdaya maju. Salah satu aspek penting dalam sasaran aspirasi ini adalah melalui tumpuan bidang pendidikan. Seharusnya dan tepatnya faktor pendidik tidak boleh dinafikan dan merekalah elemen besar dalam mencorak garapan ini. Maka dalam tumpuan aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) ia menjadi platform penting bagi pendidik khususnya Pensyarah Pendidikan Islam memainkan peranan utama dalam penerapan unsur ilmu dan nilai ketuhanan yang baik (al-Kaylany, 2005; al-Nahlawi, 2004).

Proses penerapan ilmu dan nilai ketuhanan memerlukan komitmen yang tinggi (Syed Najmuddin *et. al.*, 2009) Garapan minda dan usaha yang dicurahkan oleh PCPI dalam bidang Pendidikan Islam akan terzhahir dalam penekanan visi dan misi yang ditentukan. Sementalahan pula, ajaran Islam amat menggalakan umatnya berlumba-lumba ke arah kejayaan dan kecemerlangan. Jelaslah di sini, amanah dan tanggungjawab PCPI dalam mendidik para pelajar dengan nilai ke-Islaman, daya kepimpinan, selain menghabiskan sukatan pelajaran sendiri menjadi asas kepada corak penekanan visi dan misi yang direncanakan. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menjelaskan nilai kecemerlangan yang perlu dilaksanakan oleh pendidik Muslim, antaranya ialah firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. Tetapi antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.”
(Surah Ali ‘Imran, 3:110)

Berdasarkan ayat ini, umat Muhammad s.a.w. digambarkan sebagai sebaik-baik umat yang diciptakan. Perkataan *kuntum khaira ummah* menjelaskan maksud umat terbaik, iaitu yang paling banyak berkatnya di bumi (al-Qurthubi, 2007; al-Qurthubi, 2008; M. Quraish Shihab, 2009). Hal ini berdasarkan amalan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada keburukan itu adalah sebaik-baik amalan dalam Islam (al-Qurthubii, 2007). Al-Qurthubi menambah bahawa lafaz *ukhrijat lin naas* menerangkan fungsi manusia dalam memberi petunjuk dan manfaat bagi semua umat manusia. Pandangan al-Jazairi ini disokong oleh M.Quraish Shihab (2009) yang menjelaskan bahawa amalan yang menyeru kepada kebaikan dan mencegah keburukan amat signifikan dengan amanah serta tanggungjawab pendidik Muslim. Maka, pujian umat yang terbaik adalah layak diberikan selagi melaksanakan dan memiliki sifat tersebut (al-Qurthubi, 2008).

Berdasarkan huraian ini, jelas tuntutan Islam agar para PCPI dapat menjalankan kewajipan dengan berkesan untuk menikmati kecemerlangan. Lebih-lebih lagi ajaran Islam itu sendiri merupakan ilmu yang membawa kepada kecemerlangan di dunia dan akhirat (Kamarul Azmi, 2010). Seharusnya, PCPI wajar memastikan kelangsungan pendidikan agama Islam tetap berjalan dengan bermula seawal penekanan visi dan misi lagi dalam PdP. Penekanan yang tepat dalam menghasratkan pencapaian visi dan misi adalah elemen permulaan sebelum langkah PdP dilaksanakan. Justeru, dapatan kajian ini akan memperlihatkan PCPI mempunyai penekanan terhadap visi dan misi yang jelas terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Penekanan visi dan misi yang jelas ini akan membantu PCPI mencorak PdP yang terarah dan mencapai maksud hasil pembelajaran.

2.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk melihat apakah visi dan misi Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) yang membawa kepada kecemerlangan diri dan institusi sama ada di dalam dan di luar kelas. Hasil dapatan kajian membawa kepada beberapa elemen penting yang perlu ada dalam visi dan misi seorang PCPI. Oleh itu, persoalan kajian ini ialah “Apakah visi dan misi yang dimiliki oleh PCPI yang membantu kecemerlangan diri dan institusi di dalam dan di luar kelas?”.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat visi dan misi Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) di Politeknik Malaysia. Pendekatan kajian ini menggunakan sepenuhnya kajian kualitatif dengan menggunakan kajian kes. Seramai enam orang PCPI dipilih sebagai peserta kajian temu bual ini dan disokong oleh tiga orang Ketua Unit Pendidikan Islam, 12 orang rakan pensyarah, dan 12 orang pelajar. Pemilihan enam peserta kajian untuk ditemu bual bertujuan menentukan apakah terdapat keselarasan antara jawapan terhadap soalan yang dikaji oleh pengkaji dengan objektif yang dibina. Peserta yang dipilih adalah terdiri daripada tiga orang PCPI lelaki dan tiga orang Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam perempuan di Politeknik Premier, iaitu Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak, Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor dan Politeknik Konvensional, iaitu Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, Tanjung Malim, Perak. Pemilihan lokasi kajian ini berdasarkan penawaran institusi terhadap kursus-kursus di peringkat diploma lanjutan dan ke atas. Ciri-ciri pensyarah yang dipilih pula adalah: (1) berpengalaman mengajar lebih lapan tahun, (2) mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya di peringkat sarjana, (3) menerima kenaikan pangkat melalui proses penilaian kriteria kecemerlangan pensyarah politeknik, (4) menjawat gred jawatan sekurang-kurangnya DH 44, (5) pemilihan dibuat oleh Ketua Unit Pendidikan Islam & Moral dan (6) memperoleh Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Teknik utama yang digunakan pengkaji untuk mengumpul data adalah teknik temu bual separa berstruktur sebagai mana yang dicadangkan oleh beberapa pengkaji (Cresswell, 2012; Fatimah Saleh & Lim Chap Sam, 2010; Sabitha Marican, 2009; Ananda Kumar, 2009). Seterusnya data temu bual ini ditriangulasikan dengan dapatan data yang dikumpul dari pemerhatian dan analisis dokumen. Manakala diari pengkaji dan nota lapangan digunakan sebagai sokongan kepada data yang diperolehi. Analisis kajian ini menggunakan perisian NVivo 7.0 bagi menghasilkan tema dan ciri penekanan visi dan misi PCPI dalam PdP sehinggalah membentuk pola.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan Jadual 1, menunjukkan elemen penekanan visi dan misi PCPI dalam pelaksanaan pengajaran (PdP) dan pembelajaran di dalam dan luar kelas. Visi dan misi merupakan aspek pertama dalam PdP berkesan. Pendidik yang mempunyai visi dan misi menjadikan profesion perguruan sebagai satu cara hidup, menyumbangkan nilai-nilai dan bakat yang ada demi mendidik pelajar dengan pembelajaran sepanjang hayat, kesedaran dan sikap yang matang, dan memenuhi keperluan ekonomi (Kaplan & Owings, 2015). Penekanan visi dan misi ini terbahagi kepada enam bahagian. Elemen penekanan visi dan misi dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran adalah pelajar menerima dan menghayati (PCPI1, 2014: 257, PCPI2, 2014: 79, 82, 99, PCPI3, 2014: 466, PCPI4, 2014: 86, 104, PCPI5, 2014: 173, 177, 190, PCPI6, 2014: 267), objektif PdP tercapai (PCPI1, 2014: 643, PCPI6, 2014: 148, 211, KUPCPI2, 2014, 317, P2PCPI4, 2014: 58, 246, P1PCPI5, 2014: 300, OPCPI3, 2014: 194, OPCPI4, 2014: 291), menyampaikan dakwah (PCPI2, 2014: 49, PCPI5, 2014: 326, PCPI6, 2014: 263, P2PCPI1, 2014: 202, P1PCPI3, 2014: 159, P1PCPI4, 2014: 63, OPCPI1, 2014: 107), membentuk diri pelajar dan pemikiran (PCPI2, 2014:

208, PCPI5, 2014: 326, P2PCPI1, 2014: 202, P1PCPI4, 2014: 63, OPCPI6, 2014: 44), kejayaan dunia akhirat (PCPI3, 2014: 608, PCPI6, 2014: 259, KUPCPI2, 2014: 51, P2PCPI1, 2014: 204, P1PCPI4, 2014: 63, OPCPI5, 2014: 157), dan kelancaran PdP (PCPI1, 2014: 257, OPCPI4, 2014: 92, 101, OPCPI6, 2014: 44).

Jadual 1 Visi dan Misi PCPI1-PCPI6

Bil. Visi dan Misi	PCPI1	PCPI2	PCPI3	PCPI4	PCPI5	PCPI6
1. Pelajar menerima & menghayati	x	x	x	x	x	x
2. Objektif PdP tercapai		x	x	-	x	x x
3. Menyampaikan dakwah	x	x	x	x	x	x
4. Membentuk diri pelajar & pemikiran	x	x	-	x	x	-
5. Kejayaan dunia akhirat	x	x	x	x	x	- x
6. Kelancaran PdP	x	-	-	-	-	-

Merujuk jadual 1, elemen pelajar menerima dan menghayati serta menyampaikan dakwah merupakan elemen visi dan misi yang ada pada semua PCPI. Elemen pelajar menerima dan menghayati bermaksud apa yang disampaikan PCPI dapat diterima dan dihayati oleh pelajar. Hal ini diperlihatkan dalam kata-kata PCPI: *“kita nak tunjuk kat diorang, boleh bawak diorang nak faham kepada Islam”* (PCPI2, 2014: 246). Pernyataan PCPI ini diteguhkan oleh kata-kata pelajar beliau, iaitu:

“Sebenarnya ustazah akan kalau masuk kelas sebelum masuk topik baru ustazah akan ulang balik, ulang balik apa yang ustazah terang dulu kan, takut kami lupa kan, so ustazah terang balik dalam 15 minit, start kul lapan, lapan lima belas, dah stop ulang kaji semua, pastu start la topik baru, nak faham tu”
(P1PCPI2, 2014:85)

PCPI berazam apa yang disampaikan melalui PdP dapat diterima secara terbuka oleh para pelajar malah dapat menghayati apa yang disampaikan. Penghayatan terhadap pembelajaran memberi implikasi yang penting terhadap tingkah laku pelajar. Menurut Yuseri et al. (2007), cabaran gejala sosial yang kian meruncing merupakan satu petanda kurangnya penghayatan terhadap agama. Elemen pengharapan kepada Allah S.W.T ditekankan dalam aspek ini melalui doa agar hati dan minda para pelajar mudah menerima apa yang disampaikan. Sikap menyerah diri kepada Allah S.W.T., iaitu tawakkal, sangat ditekankan dalam Islam. Hal ini telah dinyatakan di dalam al-Quran, iaitu:

“Bertawakkallah kepada Allah S.W.T., Dan cukuplah Allah S.W.T. sebagai pemelihara.”

(Surah al-Ahzab, 33: 3)

Selain itu, PCPI melaksanakan kaedah soal jawab secara berulang kali samada di awal dan di akhir kuliah untuk meningkatkan pemahaman pelajar. Teknik soal-jawab ini sudah lama dipraktikkan dalam pendidikan, iaitu sejak zaman ahli falsafah Greek, termasuk Plato dan Aristotle (Bold, 2011). Walau pun kaedah ini merupakan pendekatan tradisional, ia masih lagi digunakan untuk meningkatkan tahap kefahaman pelajar. Menurut Burkill dan Eaton (2010), teknik soal-jawab yang berkesan dapat membantu pelajar pemalu di dalam kelas. Walau pun malu mempunyai hubungan yang negatif dengan pencapaian akademik, pelajar yang pemalu masih berpeluang meningkatkan pencapaian melalui komunikasi bersama pensyarah dan rakan kursus (Abdul Rashid dan Mohamad Daud, 2005). Kajian yang dijalankan oleh Yohan Kurniawan et al. (2006) mendapati bahawa pelajar malu untuk bertanya di dalam kelas, tetapi dorongan untuk bertanya timbul apabila mereka mendapati kelas tersebut dirasakan sangat menarik.

Aktiviti kelas seperti perbincangan turut dilakukan supaya pelajar lebih kreatif dalam memberi pendapat seterusnya memahami isu dan persoalan kepada topik perbincangan. Perbincangan merupakan satu teknik pengajaran hibrid yang aktif, di mana pelajar mengeluarkan pendapat dan melibatkan diri bersama rakan kelas yang lain (Hackarthon et al., 2011). Dalam kajian yang dijalankan oleh Ramlah Lihun Manilah et al. (2017) ke atas 15 orang pelajar mendapati bahawa pencapaian akademik dapat dipertingkatkan sebanyak 93.3% apabila pelajar terlibat dalam perbincangan di dalam kelas. Oleh, itu guru seharusnya menggalakkan perbincangan di dalam kelas untuk meningkatkan kefahaman pelajar. Di dalam Islam sendiri, pendekatan syura, iaitu satu metod perbincangan, amatlah digalakkan dalam sesuatu institusi Islam. Seperti mana yang telah Allah S.W.T. sebut dalam al-Quran:

“Kerana itu maafkanlah mereka, dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian, apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah S.W.T. Sesungguhnya Allah S.W.T. menyukai orang-orang yang bertawakal kepadaNya.”

(Surah Ali ‘Imran, 3: 153)

PCPI juga tidak jemu untuk melakukan penerangan berulang kali apabila mengetahui para pelajar masih lagi tidak faham atau belum menguasai apa yang diharapkan. Penerangan ini perlulah melibatkan pelajar memandangkan hanya pelajar yang dapat memberi tindak balas tentang apa yang mereka fahami dalam PdP. Mohd Yusop et al. (2008) dalam satu analisis komunikasi dua hala antara guru dan pelajar 297 mendapati, guru pelatih yang terlibat mengulangi penerangan isi pengajaran pada akhir masa mengajar, tetapi komunikasi yang digunakan merupakan satu aktiviti pengajaran yang sepenuhnya tidak melibatkan unsur komunikasi dua hala antara pelajar dengan guru. Dapatan ini telah membawa kepada satu cadangan bahawa unsur komunikasi dua hala perlu diwujudkan supaya pelajar lebih memahami dan mengambil bahagian dalam PdP.

Begitu juga elemen menyampaikan dakwah yang menjadi misi dan visi bagi semua PCPI. Hal ini dijelaskan oleh PCPI dalam temubual, iaitu:

“pendekatan saya kalau kita ajar bukan bidang agama, bukan agama kita katakan, kita masih lagi boleh terapkan dan ingatkan perkara tersebut, bila masuk kelas petang kul dua, mesti tanya dah sembahyang zuhur ke belum?, kalau belum zuhur, pergi sembahyang zuhur kejap, kita bagi masa 15 minit, begitu juga solat subuh, jadi bagi saya bila kita mengajar”

(PCPI6, 2014: 263)

Pernyataan PCPI6 ini turut dinyatakan oleh PCPI lain: “tanggungjawab sebagai pensyarah ini lebih daripada sekadar menyampaikan maklumat” (PCPI5, 2014: 158). Menyampaikan dakwah bermaksud, PCPI memahami apa yang disampaikan adalah lebih daripada sekadar maklumat. Bahkan merupakan satu tanggungjawab PdP yang menuntut PCPI menyampaikan Islam secara formal. Justeru, ruang PdP ini digunakan oleh PCPI dalam memberikan nasihat, peringatan, dan motivasi yang berbentuk ketuhanan kepada pelajar selain menghabiskan silibus dan kurikulum yang digariskan.

Aspek ini memberikan nilai dan tanggungjawab yang besar untuk dipikul oleh PCPI bagi memastikan budaya dakwah yang menyeru manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari keburukan tersemam dalam diri tanpa memikirkan apa hasil yang akan diperolehi. Kerana itulah guru juga dikenali sebagai da'i dan mursyid yang berasal dari perkataan arshada, istilah yang sinonim dengan perkataan ahda, yang bermaksud memberi petunjuk (Zaharah, 2005). Kepimpinan guru dalam konsep irsyad ini merujuk kepada peranan guru sebagai penjaga, penasihat, pengarah,

pembimbing dan memberi petunjuk bersifat melahirkan pembentukan dan pembangunan insan soleh (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2012). Fungsi pendidik sebagai pendakwah ini lebih jelas dinyatakan dalam Surah al-Nahl ayat 125, iaitu:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) Dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran Yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih Mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan dialah jua yang lebih Mengetahui akan orang yang mendapat hidayah dan petunjuk.”

(Surah al-Nahl, 16: 125)

Dalam ayat ini, tiga asas pendidikan dalam bentuk dakwah adalah menyeru dengan hikmah dan kebijaksanaan, memberi nasihat yang baik dan berbahas dengan bahasa yang baik dan santun (Tengku Sarina Aini & Faridah, 2008). Dengan memberikan kesedaran kepada pelajar tentang tujuan menuntut ilmu adalah semata-mata kerana mencari keredaan Allah S.W.T., maka, tujuan yang jelas ini mampu mendorong pelajar untuk bersungguh-sungguh menuntut ilmu (al-Syaibani, 1991). Kerana itulah, tugas pendidik sebagai pendakwah sangat dituntut kerana pendidik mampu membina penghayatan terhadap PdP dengan membina hubungan dengan Allah S.W.T.

Seterusnya adalah objektif PdP tercapai. Visi dan misi PCPI dalam bahagian ini dapat dilihat dengan langkah dan peranan PCPI di dalam kelas. PCPI memastikan setiap permulaan kelas dinyatakan objektif dan hasil PdP yang diinginkan. Menurut Campos (2014), objektif PdP dapat menukarkan persoalan “Apa yang mahu saya katakan?” kepada “Apa yang perlu saya katakan supaya pelajar dapat mencapai objektif PdP pada tahap yang sepatutnya?” Dari persoalan ini, dapat dilihat bahawa pensyarah mempunyai misi dan visi untuk mencapai objektif PdP, maka perancangan pengajaran dibuat bagi memastikan objektif tersebut dicapai.

Di politeknik, sasaran untuk mencapai objektif PdP perlulah bersandarkan kepada CLO (*Course Learning Outcome*) dan PLO (*Program Learning Outcome*) yang telah ditetapkan oleh penyelaras program pada setiap semester. Oleh itu, adalah satu keperluan bagi setiap pensyarah untuk berazam agar setiap CLO dan PLO kursus tertentu dicapai. Hal ini dapat dilakukan apabila pensyarah menyatakan objektif PdP yang harus dicapai pada setiap awal semester di hadapan pelajar supaya pelajar mencapai kesedaran untuk sentiasa berusaha mencapai sasaran CLO dan PLO ini. Menurut Abdul Sukor (2010), bagi setiap konsep pengajaran yang berkesan, pendidik perlu memulakan pengajaran dengan menjelaskan objektif dan rumusan ringkas tentang pelajaran lepas.

Justeru, perkara ini menjadi satu panduan kepada semua PCPI melaksanakan PdP berkesan. Melalui ini pelbagai kaedah dan perancangan diatur, walau apa jua cara dan teknik digunakan PCPI, di akhir pengajaran PCPI akan memastikan perancangan awal dari segi objektif PdP tercapai. Dalam usaha memastikan objektif PdP dicapai, guru perlu menunjukkan tujuan pembelajaran dengan jelas apabila membuat perancangan (Eckes & Russo, 2012). PCPI juga tidak akan beralih kepada topik seterusnya sekiranya terdapat objektif PdP yang belum tercapai.

Bagi visi dan misi yang lain adalah elemen membentuk diri pelajar dan pemikiran. Walaupun visi dan misi bagi elemen ini adalah yang paling sedikit ada pada PCPI, tetapi masih mencapai tahap pola. Hal ini dinyatakan oleh pelajar PCPI: *“dia tau kami punya bidang perkapalan kerja luar negara, dia selalu ingatkan tanggungjawab kita kena tunaikan dulu, jangan sebab kerja semua atas kapal, kita bagi alasan ni tak boleh”* (P2PCPI1, 2014: 125). Aspek ini ditekankan oleh PCPI agar PdP yang disampaikan dapat masuk ke dalam hati pelajar. Hal ini penting kerana dari hati akan menentukan sesuatu

tindakan yang bakal dilakukan pelajar, tidak kira mereka diperhatikan atau bersendirian tanggungjawab sebagai muslim sentiasa dipatuhi. Tambahan lagi, PCPI telah meletakkan harapan yang tinggi para pelajar ini apabila keluar dari politeknik menjadi manusia yang berguna.

Hal ini bertepatan dengan fungsi pendidik sebagai murabbi yang merujuk kepada konsep tarbiyyah (Zaharah, 2005; Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2012). Noornajihan et al. (2014) menggambarkan murabbi ini sebagai guru yang penuh kasih sayang, mempunyai personaliti yang hebat dan terpuji, bukan sahaja dapat dicontohi oleh pelajar, malah dapat menjurus kepada pembentukan masyarakat yang berakhlak mulia. Hal ini kerana pembentukan jati diri pelajar, akan dapat dibawa ke dalam masyarakat setelah mereka menamatkan pembelajaran, dan kemudiannya berkhidmat dalam masyarakat umum. Melalui pembelajaran pendidikan Islam yang berkesan, pelajar bukan sahaja mampu mengamalkan nilai-nilai murni untuk diri sendiri, malah mereka dapat mempengaruhi masyarakat dengan pembentukan akhlak mulia.

Tuntutan menyampaikan ilmu kepada masyarakat ini telah menjadi satu kepentingan dalam agama sehinggakan apabila berlakunya peperangan Tabuk, 301 sebahagian penduduk dikehendaki untuk tinggal bersama Nabi s.a.w. untuk mendalami ilmu agama, dan apabila para Mujahid pulang dari peperangan, mereka yang sudah mempelajari ilmu tadi akan menyampaikan kepada para Mujahid tersebut. Hal ini telah dijelaskan oleh Allah S.W.T. di dalam firmanNya, iaitu;


"dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang Yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu Yang dituntut di Dalam ugama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; Mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah)."

(Surah al-Taubah, 9: 122)

Akhir sekali adalah kelancaran PdP. Elemen ini tidak mencapai tahap pola kerana hanya seorang peserta kajian sahaja yang berpendapat sedemikian. Walaubagaimanapun, elemen ini menjadi pelengkap kepada visi dan misi PCPI dalam melaksanakan PdP. Visi dan misi PCPI bagi memberikan kelancaran dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran dapat dilihat dalam kata-kata berikut, iaitu "kemudian setiap kali nak masuk kelas tu tak putus-putus berdoa supaya lancar kita mengajar" (PCPI1, 2014: 88). Kepentingan elemen ini membuatkan PCPI sanggup mengeluarkan duit simpanan untuk membeli projektor sendiri bagi memastikan kelancaran PdP (ADPCPI4, 2014: 326).

5.0 IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji menghasilkan satu model yang dinamakan Model Pengamalan Visi dan Misi Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (MPVMPCPI). Model ini digambarkan sebagaimana dalam Rajah 1.



Rajah 1 Model Pengamalan Visi dan Misi Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (MPVMPCPI)

Berdasarkan Rajah 1, kesemua amalan visi dan misi oleh PCPI boleh dijadikan amalan dalam dan luar kelas bagi meningkatkan kompetensi pengajaran dan pembelajaran pensyarah Pendidikan Islam di politeknik. Pensyarah perlu menjadikan kriteria yang dinyatakan sebagai panduan dalam menentukan visi dan misi sebelum proses pengajaran dan pembelajaran dilangsungkan.

6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah membincangkan objektif, metodologi, dapatan serta perbincangan kajian kes pengamalan visi dan misi Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pola dapatan kajian berjaya menghasilkan Model Pengamalan Visi dan Misi Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (MPVMPCPI) sebagaimana yang telah dibincangkan dalam implikasi kajian ini. Justeru pensyarah Pendidikan Islam perlu mengambil perhatian agar meletakkan kriteria ini sebagai asas dan panduan dalam pelaksanaan PdP mereka. Pengamalan visi dan misi yang betul akan membantu pensyarah merancang kaedah PdP yang terbaik demi mencapai objektif pengajaran yang digariskan.

List of Reference

- Abdul Rashid Mohamed & Mohamad Daud Hamzah. (2005). Kajian Korelasi Emosi Malu dengan Pencapaian Akademik Di Kalangan Mahasiswa Melayu. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 20, 153-167.
- Abdull Sukor Shaari (2010). *Guru Berkesan Petua dan Panduan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Al-Kaylaniy, Majid 'Arsan. (2005). *Abdaf al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Dubai: Dar al-Qalam.
- Al-Nahlawi, 'Abd al-Rahman (2004). *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asalibuba fi al-Bait wa alMadrasah wa al-Mujtama'*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Ananda Kumar Palaniappan (2009). *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn Bhd.

- ADPCPI4 (2014). *Laporan Analisis Dokumen di PO2*, Laporan diadakan pada jam 2.15 petang bertarikh 14.03.2014; 09.00 pagi bertarikh 17.03.2014 di Perpustakaan PO2.
- Al-Qurthubi (2008). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. (Tahqiq: Muhammad Ibrahim al-Hifnawi dan Mahmud Hamid Utsman). (Trj. oleh Muhyiddin Mas Rida dengan tajuk: *Tafsir al-Qurthubi Jilid 4*). Jakarta: Pustaka Azzam.
- Al-Qurthubi (2007). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. (Tahqiq: Muhammad Ibrahim al-Hifnawi dan Mahmud Hamid Utsman). (Trj. oleh Muhyiddin Mas Rida dengan tajuk: *Tafsir al-Qurthubi Jilid 2*). Jakarta: Pustaka Azzam.
- Al-Syaibany, Omar Muhammad al-Toumy (1991). *Falsafah al-Tarbiyah al-Islamiah Mansyurat al-'Ammah Linasyri Wa al-Tanzih wa al-i'lan*. (Trj. Oleh Hasan Langgulung dengan tajuk: *Falsafah Pendidikan Islam*). Shah Alam: HIZBI.
- Bold, C. (Ed.) (2011). *Supporting Teaching and Learning*. London: Routledge.
- Burkill, B. & Aeton, R. (2011). *Developing Teaching and Learning*. India: Cambridge University Press.
- Campos, J. (2014). *The Learner-Centered Classroom*. USA: ATD Learning and Development.
- Fatimah Saleh & Lim Chap Sam (2010). *Analisis Data Kualitatif*. Dalam Noraini Idris. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Hackarton, J., Solomon, E.D., & Blankmeyer, K.L., Tennial, R.E. & Garczynski, A.M. (2011). Learning by Doing: An Empirical Study of Affective Teaching Techniques. *The Journal of Effective Teaching*, 11(2), 40-54.
- John W. Cresswell (2012). *Educational Research. Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 4th Edition. Boston, USA: Pearson Education.
- Kamarul Azmi Jasmi (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2012). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- KUPCPI2. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Ketua Unit, Politeknik Ungku Omar Ipoh: FTI, UTM*. 1-11.
- Kaplan, L.S. & Owings, W.A. (2015). *Educational Foundations*. Ed.2. USA: CENGAGE Learning.
- Mohd. Yusop Ab. Hadi, Baharom Mohamad, Jamaludin Hashim & Abdul Rashid Razzaq. (2008). Analisis Komunikasi Dua Hala Guru dengan Pelajar dalam Persediaan Mengajar Guru Pelatih. *International Conference on Communication and Media (i COME 2008)*. Kuala Lumpur. 14-17 Jun 2008.
- M. Quraish Shihab (2009). *Tafsir al-Misbah Pesan, Kesan, dan Keserasian al-Quran*, 1-2. Jakarta: Penerbit Lentera Hati.
- Noornajihan Jaafar, Norakyairee Mohs Raus, Nuruh Asiah Fasehah Muhamad, Norzulaili Mohd. Ghazalid, Rabiatal Adawiyah Mohd @ Amat, Syed Najihuddin Syed Hassan, Mahyuddin Hashim, Ab. Halim Tamuri, Norshidah Mohamed Salleh & Mohd Isa Hamzah. (2014). Quran Education for Special Children: Teacher as Murabbi. *Journal of Creative Education*, 5, 435-444.
- OPCPI1. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Kuliah, Politeknik Ungku Omar Ipoh: FTI, UTM*, 1-13.
- OPCPI3. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Kuliah, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim: FTI, UTM*, 1-13.

- OPCPI4. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Kuliah, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim*: FTI, UTM, 1-13.
- OPCPI5. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Kuliah, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Shah Alam*: FTI, UTM, 1-13.
- OPCPI6. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Kuliah, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Shah Alam*: FTI, UTM, 1-13.
- PCPI1. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim*: FTI, UTM, 1-18.
- PCPI2. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim*: FTI, UTM, 1-18.
- PCPI3. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim*: FTI, UTM, 1-18.
- PCPI4. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim*: FTI, UTM, 1-18.
- PCPI5. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Shah Alam*: FTI, UTM, 1-18.
- PCPI6. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Shah Alam*: FTI, UTM, 1-19.
- P2PCPI1. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Pondok Rehat, Kampus B, Politeknik Ungku Omar Ipoh*: FTI, UTM, 1-15.
- P1PCPI3. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Pondok Rehat, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim*: FTI, UTM, 1-15.
- P2PCPI4. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Pondok Rehat, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim*: FTI, UTM, 1-15.
- P1PCPI5. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, *Kajian Lapangan Ph.D. Pondok Rehat, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Shah Alam*: FTI, UTM, 1-15.
- Ramlah Lihun Manilah, Jamaludin & Hasdin. (2017). Penggunaan Metode Diskusi Untuk Meningkatkan Hasil Belajar Pkn Siswa Kelas IV SDN Batang Babasal. *Jurnal Kreatif Tadulako*, 5(9), 90-107.
- Sabitha Marican (2009). *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Edusystem Sdn. Bhd.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman & Mohd. Sabri Mamat (2009). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 31-50.

- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain (2008). Pendekatan Individu dalam Pengajaran Pendidikan Islam sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun. *Jurnal Ushuluddin*, 27, 141-156. ISSN 1394-3923.
- Yohan Kurniawan, Thana Abdullah, Khuzaiton Zakaria, & Wan Muhamad Wan Andullah. (2012). Mengapa Pelajar Takut Bertanya dalam Kuliah? Sebuah Kajian di University Malaysia Kelantan. *Jurnal Personalia Pelajar*, 15, 13-22
- Yuseri Ahmad, Sapura Sipon & Manira Munira Abdul Mutalib. (2007). Peranan Kerohanian dalam Menangani Gejala Dadah. *Jurnal Anti-dadah Malaysia*, 1(2), 137-154.
- Zaharah Hussin (2005). Mendidik Generasi Berakhlak Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam. *Jurnal Masalah Pendidikan*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, 28, 79-94.